

## KENYATAAN MEDIA

4 JUN 2018

### **ST Rampas Kelengkapan Elektrik Tidak Selamat Bernilai Lebih RM300,000**

**Putrajaya, 4 Jun** – Suruhanjaya Tenaga (ST) baru-baru ini telah merampas 500 unit *steam mop*, dengan anggaran nilai pasaran melebihi RM300,000, kerana gagal mematuhi syarat yang ditetapkan untuk mengimport, mengilang atau mempamer kelengkapan elektrik di negara ini.

Kelengkapan elektrik yang telah gagal ujian konsainmen tersebut dirampas pada 7 Mac lalu kerana pengimport gagal mengambil tindakan selanjutnya, susulan notis yang dikeluarkan oleh ST supaya melupus atau memulangkan kelengkapan yang tidak selamat tersebut ke negara asal.

Hasil pemantauan yang dilakukan di gudang simpanan milik sebuah syarikat pengimport di Telok Panglima Garang, Selangor mendapat syarikat pengimport berkenaan gagal mematuhi notis yang dikeluarkan ST.

Sehubungan itu, ST sedang menjalankan siasatan lanjut di bawah subperaturan 109A (2)(b), Peraturan-Peraturan Elektrik 1994 atas kesalahan dengan sengaja atau secara sedar melindungi, menyimpan, menyembunyikan atau memiliki apa-apa kelengkapan yang tidak dilabelkan mengikut Peraturan 98 atau yang tidak mempunyai label penarafan kecekapan, atau kedua-duanya, mengikut mana-mana yang berkenaan, dengan niat untuk menjual atau menawarkan untuk dijual.

Sekiranya didapati bersalah, syarikat terbabit berdepan dengan hukuman denda sehingga RM5,000 atau penjara sehingga satu tahun atau kedua-duanya.

Bagi memastikan kelengkapan elektrik yang dijual di negara ini adalah selamat, Peraturan 97, Peraturan-Peraturan Elektrik 1994 menyatakan kelengkapan-kelengkapan elektrik yang dikawal diwajibkan untuk mendapatkan Perakuan Kelulusan (CoA) sebelum ia boleh dikilang, diimport atau dipamer, dijual atau diiklankan.

Selepas CoA dikeluarkan, kelengkapan elektrik yang dikawal diwajibkan untuk melalui ujian konsainmen di SIRIM dan sekiranya lulus, kelengkapan tersebut hendaklah dilabel dengan label SIRIM-ST sebelum ia boleh dijual dipasaran negara ini.

Sebanyak 34 jenis kelengkapan elektrik adalah di bawah kawalan ST, ini termasuklah soket, lampu, cerek air, ketuhar, peti sejuk, pemanas air, kipas dan pengecas.

ST memandang serius soal keselamatan kelengkapan elektrik kerana menjadi tanggungjawab ST untuk memastikan keselamatan pengguna dalam penggunaan kelengkapan tersebut. ST juga menyeru semua pengguna supaya membeli kelengkapan elektrik yang hanya diluluskan oleh ST dan dilabel dengan label keselamatan bagi mengelakkan sebarang kejadian yang tidak diingini.

\*\*\*Tamat\*\*\*

*Untuk keterangan lanjut, sila hubungi:*

*Siti Suhaila Ahmad/Zairullati Mali/Syarizman Mansor*

*Unit Promosi & Komunikasi*

*Tel: +603-8870 8500/8554/8598/8537/+6013 2183778 (Zairullati)/+6019 3134543 (Syarizman)*

*Faks: +603 8888 8636*

*Emel: [sitisuhaila@st.gov.my](mailto:sitisuhaila@st.gov.my)/[zairullati@st.gov.my](mailto:zairullati@st.gov.my)/[ritz@st.gov.my](mailto:ritz@st.gov.my)*

#### **MENGENAI SURUHANJAYA TENAGA**

Suruhanjaya Tenaga (ST) merupakan badan kawal selia yang bertanggungjawab untuk mengawal selia sektor tenaga, terutamanya industri pembekalan tenaga elektrik dan gas berpaip di Semenanjung Malaysia dan Sabah. Suruhanjaya Tenaga memastikan bahawa pembekalan elektrik dan gas berpaip kepada pengguna adalah terjamin, berdaya harap, selamat dan pada harga yang berpatutan.